

**Peniaga Barang Kemas Malaysia Raih Jualan RM5.62 Juta Di Pameran HK  
Bernama  
7 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Peserta pameran dari Malaysia berpuas hati dengan penyertaan mereka pada Pameran Barang Kemas Antarabangsa Hong Kong anjuran Majlis Pembangunan Perdagangan Hong Kong (HKTDC) yang berlangsung dari 16 hingga 20 Februari, 2012.

Dalam satu kenyataan Rabu, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) berkata, dengan jumlah jualan bernilai RM5.62 juta, konsensus umum dalam kalangan mereka ialah penyertaan itu berkesan dan berhemah dalam memperluas jangkauan peniaga barang kemas Malaysia ke persada dunia.

"Acara itu merupakan peluang unik bagi peniaga barang kemas Malaysia untuk mempamerkan rangkaian barang kemas dan jam tangan mereka yang luas dan berkualiti tinggi kepada pembeli dari seluruh dunia," katanya.

Matrade berkata, peniaga barang kemas Malaysia haruslah sentiasa berusaha untuk berada seiringan dengan trend yang berubah-ubah dengan mencipta inovasi dan reka bentuk baharu agar terus berdaya saing.

Pameran tahun ini menyaksikan penyertaan Matrade buat kali keenam, dengan 10 syarikat mempamerkan batu zirkonia padu, batu permata berharga dan separa berharga serta beraneka barang kemas yang diperbuat daripada perak, emas kuning, keluli tahan karat dan emas putih.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650604>